



PENDAFTAR  
MAHKAMAH TINGGI MALAYA  
ARAS 2, ISTANA KEHAKIMAN  
PRESINT 3  
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8880 3938

Faks : 03-8888 3954

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami ( 18 )PMT/UU/4

Tarikh : 31 Mac 2015

Pengarah Mahkamah Negeri  
Seluruh Semenanjung Malaysia

Semua Timbalan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya

Semua Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) DI DALAM  
PROSIDING HALANG TEBUS DAN LELONGAN AWAM HARTA TAK ALIH DI  
MAHKAMAH TINGGI MALAYA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa satu mesyuarat penyeragaman proses kerja prosiding halang tebus dan lelongan awam bagi harta tak alih di Mahkamah Tinggi Malaya telah di adakan antara Pejabat Mahkamah Tinggi Malaya, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Majlis Peguam Malaysia dan Majlis Pelelong Malaysia pada 30 Mac 2015. Ketetapan-ketetapan berikut telah dicapai:-

2.1 Tarikh Kuatkuasa

Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) di dalam prosiding halang tebus dan lelongan awam harta tak alih di Mahkamah Tinggi Malaya akan mula berkuatkuasa mulai 1 April 2015.

2.2 Cukai Barang dan Perkhidmatan

Selaras dengan penguatkuasaan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (Akta 762), adalah dimaklumkan bahawa bagi tujuan prosiding halang tebus dan lelongan awam harta tak alih perkara-perkara berikut hendaklah diambil maklum:-

- a) Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan tersebut hanya melibatkan Hartanah yang digunakan untuk tujuan komersil, pentadbiran dan perindustrian seperti rumah kedai, pejabat, perniagaan runcit, pejabat kecil pejabat rumah (SoHo), pejabat kecil pejabat maya (SoVo), pejabat kecil pejabat fleksibel (SoFo), kilang, hotel, motel, rumah penginapan, asrama dan gudang.

- b) Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan tersebut tidak melibatkan Hartanah yang digunakan untuk tujuan pertanian, perumahan (termasuk rumah kediaman seperti rumah teres, rumah berkembar, rumah sesebuah, pangsapuri termasuk pangsapuri perkhidmatan dan kondominium) atau kegunaan umum seperti perkuburan, taman permainan dan keagamaan.
- c) Harga jualan bagi hartanah yang berjaya dilelong adalah termasuk dan tertakluk kepada Cukai Barang dan Perkhidmatan yang berjumlah 6 peratus dari harga jualan dan hendaklah dibayar oleh pihak Plaintif kepada pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

### 2.3 Arahan Amalan Berkaitan Pelaksanaan GST

Satu arahan amalan berkaitan perkara di atas akan dikeluarkan oleh Pejabat ini dalam sedikit masa lagi setelah kajian atas kesemua maklum balas oleh pihak-pihak berkaitan di sempurnakan.


3. Oleh yang demikian, YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memastikan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) di dalam prosiding halang tebus dan lelong awam harta tak alih di Mahkamah Tinggi Malaya dapat dijalankan dengan baik bagi meningkatkan gerak kerja Mahkamah Tinggi Malaya secara khususnya dan Badan Kehakiman Malaysia secara amnya.

4. Sekian dan segala perhatian serta kerjasama YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan di atas perkara ini diucapkan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**( ASLAM B ZAINUDDIN )**  
Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya  
**PUTRAJAYA**

**s.k:**

YAA Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

YAA Presiden Mahkamah Rayuan  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

YAA Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi Kuching  
**SARAWAK**

Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Timbalan Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pendaftar  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi Kuching  
**SARAWAK**

Pendaftar  
Mahkamah Rendah Malaya  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pengerusi  
Majlis Peguam Malaysia  
No. 13, 15 & 17  
Leboh Pasar Besar  
**50050 KUALA LUMPUR**

Pengerusi  
Majlis Pelelong Malaysia  
No. 49B, Tingkat 1  
Jalan Raja Haroun  
43000 Kajang  
**SELANGOR**